Medical Specialist Pre-Entrance Examination

Majlis Peperiksaan Malaysia

PEPERIKSAAN PRA-KEMASUKAN IJAZAH LANJUTAN PERUBATAN
[*MEDICAL SPECIALIST PRE-ENTRANCE EXAMINATION* (MedEx)]

ARAHAN KEPADA CALON
INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

(ARAHAN KEPADA CALON INI MENGANDUNGI EMPAT (4) BAHAGIAN, IAITU BAHAGIAN A, BAHAGIAN B, BAHAGIAN C, DAN BAHAGIAN D.)

(THESE INSTRUCTIONS TO CANDIDATES CONSIST OF FOUR (4) PARTS, WHICH ARE PART A, PART B, PART C AND PART D.)

BHG.	**PERKARA**	
PART	***CONTENT***	
D.	**Prosedur Peperiksaan Secara Dalam Talian (*Online*):**	
	Online Examination Procedures:	
	D.1	Calon dikehendaki untuk klik pada aplikasi sistem peperiksaan MedEx dan *log in* **15 minit** sebelum peperiksaan bermula. *Candidates are required to click on the MedEx examination system application link and log in **15 minutes** before the examination starts.*
	D.2	Calon dikehendaki untuk **membaca arahan soalan** yang dipaparkan pada skrin dengan teliti sebelum menjawab soalan. *Candidates are required to **read the instructions of the question paper** displayed on the computer screen carefully before answering the questions.*
	D.3	Calon dikehendaki untuk **menjawab soalan mengikut urutan** yang dipaparkan oleh sistem peperiksaan MedEx kerana calon **tidak dibenarkan untuk melihat semula soalan** yang telah ditinggalkan tanpa jawapan atau soalan yang jawapannya telah dihantar. *Candidates are required to **answer the questions according to the sequence** as displayed by the MedEx examination system because candidates are **not allowed to review the questions** that have been left unanswered or answers that have been submitted.*
	D.4	Calon akan dipaparkan dengan paparan *Instructions to Candidates* sebaik sahaja masa peperiksaan bermula. *Candidates will be shown the Instructions to Candidates once the examination starts.*
	D.5	Calon dikehendaki untuk menekan butang '***Continue***' bagi mula menjawab soalan. Baki waktu yang tinggal akan dipaparkan pada skrin komputer/komputer riba. *Candidates are required to click the '**Continue'** button to start answering. The remaining time will be displayed on the computer screen or laptop.*

BHG.	**PERKARA**	
PART	***CONTENT***	
	D.6	Calon perlu menjawab satu soalan dan kemudian **klik '*Next'*** untuk menghantar jawapan itu. Soalan seterusnya hanya akan dipaparkan apabila soalan sebelumnya telah dihantar. Hanya **satu soalan yang akan dipaparkan pada satu masa**. *Candidates need to answer one question and then **click 'Next'** to submit the answer. The next question will only be displayed when the previous question has been submitted. Only **one question will be displayed at any one time.***
	D.7	Calon **tidak** boleh melihat kembali atau mengubah jawapan yang telah dihantar. **Jawapan yang telah dihantar adalah muktamad**. *Candidates **cannot** review or change the answers that have been submitted. **The answers that have been submitted are final**.*
	D.8	Calon yang keluar dari aplikasi sistem peperiksaan MedEx sebelum waktu peperiksaan tamat dan soalan belum habis dijawab **boleh mengakses semula (*log in*) aplikasi sistem peperiksaan MedEx** untuk menyambung menjawab soalan. Namun begitu, soalan yang terpapar ialah soalan terakhir yang belum dijawab. *Candidates who leave the examination system application before the end of the examination can **re-enter (log in) the MedEx examination system application** to continue answering the questions. However, the question that appears is the last question that has not been answered.*
	D.9	Calon yang telah selesai menjawab semua soalan dan menghantar jawapan sebelum masa peperiksaan tamat dengan menekan butang ***SUBMIT*** (***END OF EXAM***), akan menerima notifikasi **"THE EXAM HAS ENDED. THANK YOU."** yang terpapar pada skrin komputer calon. Jawapan akan disimpan secara automatik setelah menekan butang **OK**. *Candidates who have finished answering all the questions and submitted the answers before the examination time ends by clicking the **"SUBMIT (END OF EXAM)"** will receive a notification: **"THE EXAM HAS ENDED. THANK YOU"** which will be displayed on the candidates' computer screens. The answers will be saved automatically after clicking the **"OK"** button.*
	D.10	Soalan tidak akan dipaparkan lagi apabila masa menjawab telah tamat dan notifikasi **"THE EXAM HAS ENDED. THANK YOU."** akan terpapar pada skrin komputer calon. *Questions will no longer be displayed when the answering time has expired and the notification: "**THE EXAM HAS ENDED. THANK YOU"** will be displayed on the candidates' computer screens or laptops.*
	D.11	Calon boleh mengemukakan sebarang **pertanyaan berkaitan dengan peperiksaan** yang sedang diduduki secara dalam talian itu melalui ruangan '***Chat***' **dalam aplikasi Zoom.** *Candidates may ask any **questions regarding the examination** during the examination online via the **'Chat' in the Zoom application.***

BHG.	**PERKARA**	
PART	***CONTENT***	
	D.12	Video tutorial sebagai panduan untuk menduduki sistem peperiksaan MedEx boleh diakses melalui pautan berikut: **Soalan Aneka Pilihan (*One best answer*)**: https://youtu.be/-jbKBd-8WiQ **Soalan Aneka Pilihan (*True False*)**: https://youtu.be/KKieq5HrAfU *The tutorial videos as a guide to sit for the MedEx examination system can be accessed via the following links:* ***Multiple Choice Question (One best answer):*** *https://youtu.be/-jbKBd-8WiQ* ***True False Question (True False)****: https://youtu.be/KKieq5HrAfU*

BAHAGIAN PEMBINAAN DAN PENGENDALIAN KOMPETENSI
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

COMPETENCY ITEM BUILDING AND ADMINISTRATIVE DIVISION
MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL